

Tarikh:

**Praktis Ekstra** Ringkasan

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **punca-punca kemalangan jalan raya**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Saban hari, berita tentang kemalangan jalan raya di negara kita terpampang di media massa. Jumlah kemalangan jalan raya semakin meningkat walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.

Kini, masalah utama adalah untuk mengenal pasti cara terbaik bagi mengubah sikap pengguna jalan raya supaya memandu secara berhemah. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir keseluruhan kes kemalangan jalan raya disebabkan oleh sikap pengguna yang cuai dan lalai semasa memandu. Mereka sanggup memandu walaupun berada dalam keadaan mabuk dan mengantuk serta menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Hal ini menyebabkan mereka hilang tumpuan terhadap pemanduan. Akibatnya, berlakulah kemalangan jalan raya.

Kemalangan jalan raya juga berlaku disebabkan oleh sikap pengguna yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya. Sikap mereka yang memandu melebihi had laju, memotong di garisan berkembar, dan melanggar lampu isyarat merah boleh mengundang bahaya bukan sahaja kepada diri, malah orang lain yang tidak bersalah.

Masalah teknikal seperti kerosakan jalan raya turut menjadi penyumbang berlakunya kemalangan jalan raya. Keadaan jalan raya yang berlubang-lubang dan banyak selekoh tajam tentunya membahayakan pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal. Begitu juga dengan keadaan kenderaan yang tidak berada dalam keadaan yang baik. Brek kenderaan tidak berfungsi dan tayar kenderaan haus amat membahayakan, terutamanya ketika hujan kerana keadaan jalan raya yang licin. Dalam keadaan beginilah kemalangan mudah berlaku.

Semua pihak haruslah berganding bahu untuk mencari ikhtiar supaya kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan. Pengguna jalan raya pula haruslah mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya pada setiap masa, bukannya ketika terdapat penguat kuasa sahaja.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.